KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

TEKS UCAPAN

YANG BERHORMAT TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KEM DUTA MUDA ALAM

DAERAH TANGKAK TAHUN 2026

TAMAN NEGARA JOHOR GUNUNG LEDANG (LAGENDA)

26 JUN 2026 (JUMAAT)

10.30 PAGI

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Yang Berusaha Dr. Pubadi a/l Govindasamy

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Alam Sekitar)

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Yang Berusaha Encik Khairulhizam bin Hassan

Pegawai Pendidikan Daerah Tangkak

Yang Berusaha Encik Azlan bin Jamil

Ketua Pegawai Eksekutif

Yayasan Hijau Malaysia

Yang Berusaha Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan (Menanggung Tugas Ketua Pengarah)

Jabatan Alam Sekitar

Yang Berusaha Encik Saiful Adib bin Abdul Munaff

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Wira bin Mohd Shafiei

Pengarah

Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE), CGSS

Universiti Sains Malaysia

Yang Berusaha Encik Sufian bin Suleiman

Pengarah

Perbadanan Taman Negara Johor

Pengetua-pengetua sekolah, guru-guru pengiring, para jemputan, serta anak-anak muda peserta Kem Duta Muda Alam yang saya kasihi sekalian. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Penutupan Kem Duta Muda Alam Daerah Tangkak Tahun 2026 pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan Hijau Malaysia selaku agensi koordinator program ini, serta semua rakan strategik termasuk MGTC, CETREE, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Pendidikan Daerah Tangkak, pihak sekolah dan seluruh jawatankuasa pelaksana yang telah bertungkus-lumus menjayakan program yang amat bermakna ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Malaysia sedang bergerak ke arah pembangunan yang lebih lestari. Dalam mengejar kemajuan ekonomi dan pembangunan negara, kita tidak boleh mengabaikan tanggungjawab memelihara alam sekitar

2. Hari ini kita berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti pencemaran plastik, peningkatan sisa elektronik, pembaziran tenaga dan kehilangan biodiversiti. Ini bukan lagi isu masa hadapan, tetapi realiti yang sedang berlaku di sekeliling kita.

3. Namun, penyelesaian kepada cabaran ini tidak boleh bergantung kepada kerajaan semata-mata. Ia memerlukan perubahan cara berfikir, perubahan budaya dan perubahan gaya hidup masyarakat.

4. Apabila saya melihat wajah-wajah saya bukan sekadar nampak wajah-wajah peserta kem.

5. Saya nampak generasi muda yang lebih peka terhadap alam sekitar. Saya nampak anak-anak muda yang berani membawa perubahan positif dalam sekolah dan komuniti masing-masing.

6. Dan saya nampak pemimpin masa depan yang memahami bahawa pembangunan dan kelestarian alam perlu bergerak seiring.

7. Saya nampak bakal guru, penyelidik, petani dan mungkin juga bakal pemimpin negara yang akan menentukan bagaimana Malaysia menjaga alam sekitar pada masa hadapan.

8. Sebab itulah saya percaya, usaha menjaga alam sekitar tidak boleh menunggu sehingga kita dewasa. Ia perlu bermula sekarang, dengan tindakan kecil yang dilakukan setiap hari.

9. Kem Duta Muda Alam ini bukan sekadar sebuah kem atau program kesedaran.

10. Program ini diwujudkan untuk melahirkan agen perubahan atau agents of change yang mampu mempengaruhi rakan-rakan, sekolah dan komuniti ke arah amalan hidup yang lebih lestari.

11. Usaha seperti ini juga selari dengan aspirasi Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) untuk memperkukuh budaya kelestarian dalam kalangan masyarakat serta memastikan agenda kelestarian alam sekitar terus diperkasakan melalui penyertaan rakyat, khususnya generasi muda.

12. Secara peribadi, saya amat teruja kerana akhirnya perancangan dan pelaksanaan program ini dapat direalisasikan. Namun, saya

tidak mahu ia menjadi sekadar program yang hadir dan berlalu tanpa meninggalkan kesan.

13. Saya mahu program seperti ini memberi impak yang berpanjangan serta menjadi model yang boleh dimanfaatkan dan diperluaskan ke tempat-tempat lain pada masa hadapan.

14. Oleh sebab itu, saya sempat menitipkan pesanan kepada para pegawai dan agensi yang terlibat agar program ini turut melibatkan sekolah, komuniti, pertubuhan dan organisasi tempatan supaya manfaatnya dapat diteruskan walaupun program ini telah berakhir.

15. Kem, projek komuniti, proses penilaian dan juga suntikan dana yang disediakan bukanlah sekadar aktiviti tambahan. Semua ini adalah usaha untuk melatih dan menunjukkan kepada anak-anak muda bahawa mereka mempunyai ruang dan peluang untuk menggerakkan sesuatu yang memberi manfaat kepada sekolah dan komuniti masing-masing.

16. Kita mahu mereka memahami bahawa idea yang baik tidak seharusnya berhenti sebagai cadangan semata-mata. Dengan bimbingan yang betul, sokongan daripada pelbagai pihak dan peluang yang diberikan, idea tersebut boleh diterjemahkan menjadi tindakan sebenar yang memberi impak kepada masyarakat.

17. Saya difahamkan sepanjang program ini, anak-anak muda bukan sahaja mempelajari tentang isu plastik sekali guna dan amalan hijau, malah turut didedahkan kepada prinsip 5R iaitu Refuse, Reduce, Reuse, Redesign dan Recycle.

18. Lebih menarik, program ini tidak berakhir dengan kem ini sahaja. Para peserta akan terus melaksanakan pelbagai projek amalan hijau dan lestari di sekolah masing-masing sebelum dinilai melalui lawatan susulan dan seterusnya diraikan dalam Majlis Anugerah Sekolah Duta Muda Alam.

19. Pendekatan ini amat saya puji kerana ia memberi penekanan kepada tindakan sebenar, bukannya sekadar teori. Apa yang dipelajari di sini perlu diterjemahkan kepada amalan dan projek yang memberi manfaat kepada sekolah serta komuniti setempat.

20. Tetapi yang lebih penting, program seperti ini sebenarnya membuka ruang dan peluang kepada anak-anak muda untuk belajar menggerakkan sesuatu, bekerjasama dalam pasukan dan menterjemahkan idea kepada tindakan yang memberi manfaat kepada masyarakat.

21. Inilah kemahiran dan pengalaman yang akan membantu mereka pada masa hadapan. Kerana perubahan yang sebenar tidak berlaku hanya melalui idea yang baik, tetapi melalui tindakan yang dilaksanakan dengan kaedah yang betul dan sokongan daripada komuniti sekeliling.

22. Bunyinya mungkin besar, tetapi sebenarnya ia bermula dengan perkara yang sangat mudah.

23. Membawa botol air sendiri ke sekolah.
Mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.
Menutup suis dan kipas apabila tidak digunakan.

Mengasingkan sisa untuk dikitar semula.
Menjaga kebersihan sekolah dan kawasan sekitar.

24. Perkara-perkara kecil seperti inilah yang akhirnya akan membentuk perubahan yang lebih besar.

25. Percayalah, perubahan besar sentiasa bermula daripada tindakan kecil yang dilakukan secara konsisten.

Anak-anak muda yang saya kasihi,

26. Saya tidak mengharapkan semua orang pulang dari kem ini dan terus menyelamatkan dunia esok.

27. Tetapi saya berharap setiap daripada anda pulang dengan satu perubahan.

28. Jika sebelum ini menggunakan beberapa botol plastik sehari, kurangkan penggunaannya.
Jika sebelum ini tidak pernah mengasingkan sampah, mula lakukannya.
Jika sebelum ini hanya melihat masalah alam sekitar, mula menjadi sebahagian daripada penyelesaiannya.

27. Kerana seorang Duta Muda Alam bukan diukur melalui sijil yang diterima atau program yang disertai.

28. Seorang Duta Muda Alam diukur melalui tindakan yang dilakukan selepas program ini berakhir.

29. Kepada para guru pula, saya ingin mengucapkan terima kasih atas komitmen dan kesungguhan dalam membimbing anak-anak ini.

30. Saya yakin kejayaan program ini bukan hanya terletak pada modul atau aktiviti yang dijalankan, tetapi juga pada bimbingan guru-guru yang sentiasa membentuk nilai, sikap dan karakter mereka setiap hari.

31. Kejayaan program ini bukan diukur melalui bilangan peserta yang hadir semata-mata, tetapi melalui perubahan sikap, pembentukan budaya dan impak yang berjaya diwujudkan di sekolah serta komuniti.

32. Lebih penting lagi, kejayaan sebenar program ini adalah apabila apa yang dipelajari di sini terus diamalkan dan dikembangkan selepas program ini berakhir.

33. Saya berharap lebih banyak inisiatif hijau dapat diteruskan di sekolah masing-masing, lebih ramai rakan pelajar dapat dilibatkan, dan lebih banyak kerjasama dapat diwujudkan bersama komuniti serta organisasi setempat.

34. Jika pendekatan ini berjaya, saya percaya program seperti ini berpotensi untuk diperluaskan ke lebih banyak sekolah dan daerah pada masa hadapan supaya manfaatnya dapat dirasai dengan lebih meluas.

33. Saya yakin dengan komitmen semua pihak, usaha ini akan melahirkan lebih ramai generasi muda yang bukan sahaja peka terhadap isu alam sekitar, malah berani mengambil inisiatif dan menjadi pencetus perubahan positif dalam komuniti masing-masing.

34. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin berpesan kepada semua peserta:

Teruskan belajar.
Teruskan bertanya.
Teruskan berinovasi.

35. Semoga suatu hari nanti, daripada program seperti inilah akan lahir generasi muda yang bukan sahaja menghargai dan mencintai alam sekitar, malah berani menjadi pencetus perubahan ke arah masa depan yang lebih hijau, lestari dan sejahtera untuk negara.

36. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya menyempurnakan Majlis Penutupan Kem Duta Muda Alam Daerah Tangkak Tahun 2026.

Sekian.
Wabillahi taufiq walhidayah.
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.